

SISTEM PENGURUSAN PENGAMBILAN PEKERJA DARI KALANGAN PELAJAR UKM

CHAN JUN YUAN

MOHAMMAD FAIDZUL NASRUDIN

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Pengambilan pekerja dari kalangan pelajar merupakan proses yang penting bagi industri dan organisasi untuk memenuhi kekosongan jawatan dengan merekrut bakat baru daripada universiti. Hal ini juga sama penting bagi pelajar untuk mendapatkan penempatan pekerjaan yang sesuai selepas tamat pengajian. Kini, kebanyakan universiti telah mengambil peranan dalam membantu pelajar tahun akhir untuk mencari peluang pekerjaan selepas mereka mendapatkan ijazah. Di UKM, terdapatlah Pusat Pembangunan Karier UKM (UKM-Karier) yang ditubuhkan bagi tujuan membantu pelajar UKM untuk membina kerjaya mereka. Namun begitu, pelajar sering menghadapi masalah untuk memohon pekerjaan disebabkan kekurangan platform yang sesuai daripada UKM-Karier. Seterusnya, sesetengah graduan juga menghadapi kesukaran untuk memperoleh maklumat terkini berkaitan dengan peluang pekerjaan kerana info tersebut hanya disebar oleh UKM-Karier melalui e-mel ataupun media sosial seperti Facebook dan Instagram sahaja. Jadi, projek ini mencadangkan supaya sebuah aplikasi web dibangunkan untuk membantu pelajar dan graduan UKM dalam membuat permohonan latihan industri dan pekerjaan. Sistem yang dicadangkan membolehkan organisasi ataupun syarikat yang bekerjasama dengan UKM-Karier untuk menawarkan pekerjaan segera kepada pelajar UKM. Sistem ini dibangunkan dengan penggunaan alatan perisian seperti XAMPP dan Visual Studio Code. Pengguna sistem ini terdiri daripada pelajar, syarikat dan pentadbir sistem dari UKM-Karier. Pelajar perlu melengkapkan profil dan memuat naik resume sebelum mula melakukan segala permohonan. Bagi majikan, mereka boleh mengemaskini perincian pekerjaan yang telah dipaparkan melalui sistem ini. Secara ringkas, sistem ini dapat memastikan pelajar dan graduan UKM boleh menjangkau kepada bakal majikan manakala majikan tidak akan menghabiskan masa untuk mendapatkan calon pekerjaan yang sesuai untuk syarikat mereka.

1 PENGENALAN

Pengambilan pekerja daripada kampus merupakan fungsi yang amat mencabar dalam pengurusan sumber manusia. Komitmen daripada universiti untuk meningkatkan kebolehdapatan kerja oleh graduan sangat diperlukan untuk menghadapi cabaran tersebut. Sebenarnya, latihan industri merupakan syarat wajib dan mesti dijalani oleh semua pelajar di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Hal ini kerana ia mendedahkan para pelajar mengenai situasi sebenar di alam pekerjaan untuk mengaplikasikan pengetahuan mereka. Jadi, permohonan penempatan pelajar latihan industri semakin diutamakan oleh organisasi bagi menarik bakal pekerja yang berpotensi (Suraj Srivastava 2014).

Namun begitu, peningkatan kuantiti pelajar dan graduan dari insituti pengajian tinggi di negara kita telah menyebabkan perubahan terhadap kaedah pengrekrutan yang digunakan oleh organisasi. Menurut statistik yang dilaporkan oleh portal mencari pekerjaan, JobsMalaysia yang sekarang disatukan dengan *MYFutureJobs*, seramai 174,327 daripada 238,286 pencari kerja aktif adalah golongan siswazah (Mohd, Suzalina & Fahmy 2019). Ketika ini, direkodkan lebih 500,000 penganggur di seluruh negara dengan sebahagian daripadanya adalah siswazah yang ada kelulusan diploma dan ijazah.

Perkhidmatan pekerjaan yang diuruskan secara berkesan dapat memainkan peranan penting dalam menampung permintaan dan penawaran pekerjaan kepada graduan. Menurut kepada Laporan Kajian Peralihan dari Sekolah ke Pekerjaan (SWTS) oleh Institut Penyelidikan Khazanah (KRI), terdapatlah majikan menggunakan rangkaian tidak formal dan iklan dalam talian untuk merekrut pekerja. Ketidaksamaan dalam pencarian pekerjaan dan kaedah pengambilan kerja telah menjejaskan kelancaran fungsi pasaran buruh (Mohd Z. Zainuddin 2018).

2 PENYATAAN MASALAH

Kadar pengangguran dalam kalangan siswazah telah mencapai satu tahap yang membimbangkan. Bagi graduan UKM, masalah yang paling ketara dalam penerusan karier mereka adalah disebabkan oleh kegagalan untuk mencari peluang pekerjaan yang relevan dengan kelulusan atau kemahiran sebenar mereka. Antara permasalahan utama yang tidak dapat dinafikan ialah saluran pengambilan pekerjaan yang disediakan oleh pusat pembangunan

kariir di universiti kurang berkesan. Buktinya, maklumat kerjaya yang terkini hanya disebarkan oleh Pusat Pembangunan Karier UKM (UKM-Karier) melalui e-mel dan media sosial seperti Facebook dan Instagram.

Sehubungan itu, sebahagian besar pelajar dan graduan UKM sering terlepas peluang pekerjaan dan latihan industri yang ditawarkan oleh industri yang bekerjasama dengan UKM-Karier. Saluran pengambilan pekerjaan yang tidak rasmi ini memang memberi manfaat seperti penjimatan kos, tetapi kelemahannya ialah maklumat berkenaan sukar disampaikan kepada pencari kerja yang kurang bernasib baik iaitu tidak memiliki rangkaian media sosial. Pendekatan ini juga menyumbang kepada ketidakmampuan organisasi untuk menarik golongan sasaran yang dikehendaki iaitu graduan.

Terdapat pelbagai portal pekerjaan yang boleh dilayari secara percuma oleh graduan dan pelajar untuk mencari pekerjaan dan latihan industri. Namun, kebanyakan laman web tersebut secara lazimnya tidak menyediakan spesifikasi kerja yang cukup teliti dan menyebabkan pencari kerja kurang faham terhadap keperluan pekerjaan itu. Hal ini telah menimbulkan ketidakpastian kepada pencari kerja terhadap kelayakan mereka dan enggan membuat permohonan pekerjaan itu. Masa juga telah dibazirkan untuk mencari maklumat lanjut berkaitan pekerjaan tersebut.

3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif dalam kajian ini adalah untuk membangunkan sesuatu sistem pengurusan pengambilan pekerja dari kalangan pelajar UKM yang boleh memberi akses kepada pengguna yang terdiri daripada pelajar atau graduan UKM, pihak UKM-Karier dan organisasi yang berkenaan dengan fungsian berikut.

- mampu menguruskan maklumat peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh organisasi yang bekerjasama dengan UKM-Karier bagi memudahkan pencarian pekerjaan.
- menyimpan rekod-rekod permohonan dan organisasi yang terlibat.
- menyediakan maklumat analitik dalam bentuk *dashboard* bagi tujuan mendapat maklumat masa nyata seperti jumlah pelajar dan organisasi yang berdaftar, peluang pekerjaan dan sebagainya.

4 METOD KAJIAN

Projek ini dibangunkan berdasarkan Software Development Life Cycle (SDLC) yang selalu digunakan dalam membangun sesuatu sistem perisian. SDLC merangkumi fasa-fasa yang penting termasuk merancang, menganalisis, mereka bentuk, mengimplementasi, pengujian dan pemeliharaan. Secara umumnya, SDLC mempunyai pelbagai jenis model untuk digunakan dalam pembangunan sistem termasuklah Waterfall, Agile, Spiral dan sebagainya. Jadi, model yang dipilih untuk melaksanakan projek ini adalah model Agile. Model Agile sesuai digunakan untuk projek ini kerana model ini memberi tumpuan kepada keutamaan dan kepuasan pengguna. Kaedah pembangunan ini juga dapat meningkatkan kecekapan dan menjimatkan masa pembangunan.

4.1 Fasa Perancangan

Fasa ini melibatkan proses pengenalpastian masalah, objektif kajian, skop kajian dan menetapkan metodologi yang diaplikasikan. Seterusnya, kajian kesusasteraan yang merangkumi pecarian sistem yang berkaitan dan perbandingan antara sistem sedia ada dengan sistem dibangunkan telah dijalankan bagi mendapatkan keperluan yang sesuai.

4.2 Fasa Analisis

Fasa ini memberi tumpuan kepada analisis dan tafsiran terhadap keperluan yang didapati pada fasa perancangan. Keperluan yang dikumpulkan telah ditafsirkan secara menyeluruh untuk memastikan fungsian yang dibangunkan nanti selaras dengan keperluan pengguna. Analisis mengenai perkakasan dan perisian yang digunakan semasa pembangunan juga dilakukan.

4.3 Fasa Reka Bentuk

Fasa ini bertujuan untuk menerangkan fungsi-fungsi yang ditentukan supaya memberi penggambaran yang terperinci mengenai pengaliran data, pemprosesan data dan persembahan data yang terkandung dalam sistem ini. Antara aktiviti yang dijalankan dalam fasa ini termasuklah reka bentuk senibina, reka bentuk pangkalan data, reka bentuk antara muka dan reka bentuk algoritma untuk keseluruhan projek.

4.4 Fasa Pengujian

Fasa ini adalah fasa yang melibatkan pelbagai aktiviti pengujian terhadap sistem yang dibangunkan untuk menentukan ketepatan hasil projek dengan keperluan pengguna. Pengujian secara menyeluruh telah dilaksanakan bagi mengurangkan ralat daripada berlaku. Setiap langkah telah dicatatkan berdasarkan peraturan dokumentasi yang disediakan dalam *Institute of Electrical and Electronics Engineers (IEEE)*.

5 HASIL KAJIAN

Platform perisian yang digunakan bagi membangunkan sistem ini adalah *Visual Studio Code* dan XAMPP manakala bahasa pengaturcaraan yang digunakan adalah *PHP*, *HTML5*, *CSS* dan *JavaScript*. Bukan itu sahaja, sebuah rangka kerja iaitu *Laravel* yang dikod dalam *PHP* juga telah digunakan supaya memudahkan proses pembangunan dan penyelenggaraan sistem nanti. Bagi penyimpanan data, perisian pangkalan data yang dipilih untuk sistem ini adalah *phpMyAdmin* yang dapat mentadbir data *MySQL*.

Rajah 1: Antara muka sistem bagi majikan membina profil syarikat

The screenshot displays the 'Company Details' section for Choco-Lot Sdn. Bhd. The company bio states: 'We're specialized in selling different brands of chocolates! Join us now!'. The contact number is Oscar Brown: 60123456789. The company address is Batu Kawan, 14110 Penang. Below the profile, two jobs are listed: 'Mobile App Developer' (Full-time) and 'Sales Manager' (Internship), both posted 3 weeks ago. The interface includes navigation links like 'Post Job' and 'Edit Profile'.

Rajah 2: Antara muka sistem bagi sesebuah profil syarikat

Dalam proses membina profil syarikat oleh majikan, sistem akan mengesahkan setiap atribut yang berada dalam profil syarikat yang dimasukkan oleh majikan sebelum disimpan dalam pangkalan data. Rajah 1 menunjukkan bahawa maklumat asas seperti alamat syarikat, pengenalan syarikat adalah wajib diisi dan tidak boleh dibiarkan kosong untuk melengkapkan proses ini. Hanya imej ataupun logo syarikat tidak perlu dimuat naik setiap kali apabila majikan mengemaskini maklumat profil syarikat untuk melancarkan proses ini.

The screenshot displays the 'Job Posting Form' in the UKM | CRMS system. The form includes the following fields: Job Title (with an example 'Junior Software Engineer'), Job Type (with a 'Choose...' dropdown), Location (with a 'Working Address' sub-field), Job Specification (with an example 'Degree in -'), No. of Positions (with a 'Number' sub-field), Industry (with a 'Choose...' dropdown), Benefits & Salary (with an example 'Lunch Break 1.5 hrs, RM -'), Job Scope (with an example 'Work closely with teams for technical development...'), and Deadline (with a 'dd/mm/yyyy' format and a calendar icon). A 'Post Now' button is located at the bottom right of the form.

Rajah 3: Antara muka sistem borang penawaran peluang pekerjaan

Sebagai seseorang majikan, proses menawarkan peluang pekerjaan memerlukan majikan untuk mengisi semua butiran yang berkaitan seperti yang ditunjukkan dalam

borang pada Rajah 3. Terdapatlah kedua-dua atribut yang wajib diisi dengan jenis berangka iaitu jumlah gaji (*salary*) dan kekosongan jawatan (*position*) yang disediakan bagi tawaran itu.

The candidate has been shortlisted.

Manage Job Applicants

Show 10 entries Search:

#	Job Title	Applicant Name	Applied On	Resume	Status	Action
1	Sales Manager	Helen Kim	23-06-2021	View File	Pending	Accept Reject
2	Sales Manager	Violet Grace	23-06-2021	View File	Shortlisted	Shortlisted on 23-06-2021
3	Sales Manager	Mark Ethan	23-06-2021	View File	Rejected	Rejected on 23-06-2021
4	Sales Manager	Ben Mill	22-06-2021	N/A	Withdrawn	Withdrawn on 22-06-2021

Showing 1 to 4 of 4 entries Previous 1 Next

All Rights Reserved by UKM-crms. Designed and Developed by UKM-crms.

Rajah 3: Antara muka halaman senarai calon pekerjaan yang menghantar permohonan

Bagi fungsi menguruskan calon pekerjaan, majikan dapat membuat keputusan terhadap permohonan kerja dengan menukarkan status kepada “Diterima” ataupun “Ditolak”. Merujuk kepada Rajah 3, majikan boleh mengakses resume pemohon kerja untuk mengesahkan kelayakan mereka. Apabila status permohonan kerja berjaya dikemas kini, sistem akan memaklumkan pemohon kerja itu melalui notifikasi dalam sistem dan e-mel dengan segera.

UKM | CRMS Company Profiles Search Jobs Welcome, Login as

Jobs Available

Advanced Search

Job Title

Job Type | Choose...

Industry | Choose...

Filter

Graphic Designer
Contract
Posted 2 weeks ago
[View Job](#)

Sales Manager
Internship
Posted 3 weeks ago
[View Job](#)

Mobile App Developer
Full-time
Posted 3 weeks ago
[View Job](#)

All Rights Reserved by UKM-crms. Designed and Developed by UKM-crms.

Rajah 4: Antara muka halaman senarai pekerjaan yang ditawarkan

Rajah 4 menunjukkan bahawa pencari kerja boleh menapiskan tawaran pekerjaan mengikut ketiga-tiga jenis atribut iaitu nama pekerjaan, jenis pekerjaan ataupun industri pekerjaan. Jenis pekerjaan dan industri pekerjaan mempunyai senarai pilihan yang tersedia untuk memudahkan carian pekerjaan.

UKM | CRMS

Manage Job Applications

Show 10 entries

Search:

#	Job Title	Type	Company Name	Status	Applied On	Action
1	Sales Manager	Full-time	myStartup Sdn Bhd	Shortlisted	23-06-2021	Shortlisted on 23-06-2021
2	Functional Consultant	Contract	BizAcademia Sdn Bhd	Pending	23-06-2021	Withdraw

Showing 1 to 2 of 2 entries

Previous 1 Next

All Rights Reserved by UKM-crms. Designed and Developed by UKM-crms.

Rajah 5: Antara muka sistem bagi senarai permohonan kerja yang dihantar













Dalam proses membuat permohonan pekerjaan, sistem akan mengesahkan kelengkapan profil pencari kerja sebelum menghantar permohonan. Sekiranya profil adalah lengkap, sistem akan menyimpan rekod permohonan dan memaklumkan majikan melalui notifikasi sistem dan emel bahawa permohonan baru telah direkodkan. Pada Rajah 5, pencari kerja boleh menyemak status permohonan kerja ataupun menarik diri daripada permohonan kerja yang dilakukan.

UKM | CRMS

All Posted Jobs

Show 10 entries

Search:

#	Job Title / Type	Company Name	Applicants	Last Updated	Deadline	Actions
11	Functional Consultant Contract Active	BizAcademia Sdn Bhd	1	22-06-2021	31-07-2021	 
12	Internship - Human Resources Internship Active	Feruni Ceramiche	0	18-06-2021	31-07-2021	 
13	Programmers / Developers Internship Active	BizAcademia Sdn Bhd	1	19-06-2021	31-07-2021	 
14	Internship - FINANCE CUM ADMIN Internship Active	BEWG (M) Sdn Bhd	0	19-06-2021	15-07-2021	 
15	Software Developer Contract Active	AllMeans	1	18-06-2021	30-06-2021	 
16	UI/UX Web & Graphics Designer Full-time Active	AllMeans	0	18-06-2021	28-06-2021	 
17	Marketing & Business Admin Executive Internship Active	AllMeans	0	18-06-2021	20-06-2021 Expired	

Showing 11 to 17 of 17 entries

Previous 1 2 Next

All Rights Reserved by UKM-crms. Designed and Developed by UKM-crms.

Rajah 6: Antara muka sistem senarai peluang pekerjaan ditawarkan dalam sistem

Merujuk kepada Rajah 6, pentadbir sistem berhak untuk melakukan proses menyahaktifkan ataupun memadamkan paparan pekerjaan yang ditawarkan oleh sesiapa majikan sekiranya pekerjaan tersebut tidak sesuai untuk golongan pencari kerja. Pentadbir sistem juga boleh melihat jumlah permohonan kerja yang diterima bagi setiap peluang pekerjaan yang ditawarkan.

6 KESIMPULAN

Sistem Pengurusan Pengambilan Pekerja Dari Kalangan Pelajar UKM boleh membantu pelajar UKM dalam mendapatkan peluang pekerjaan terutamanya pelajar tahun akhir dan graduan. Sistem ini berperanan sebagai platform kepada mereka untuk mencari pekerjaan dan menghantar permohonan sekiranya menjumpai pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan mereka. Pada masa yang sama, sistem ini juga menjadi sebagai saluran kepada majikan untuk memilih calon yang memenuhi keperluan yang ditetapkan. proses pengrekrutan mampu menjadi lancar dengan pengurusan data dan pengawalan kuantiti pemohon. Sistem pengurusan ini memainkan peranan penting sebagai saluran kepada organisasi untuk mencari bakat baru yang berpotensi.

7 RUJUKAN

Mohd A. Ngah, Suzalina, H. & Fahmy A. Rosli. 2019. Graduan, siswazah miskin, B40 sukar dapat kerja setimpal. *Berita Harian Online*. 7 Julai.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/07/582258/eksklusif-graduan-siswazah-miskin-b40-sukar-dapat-kerja-setimpal>

Mohd Z. Zainudin. 2018. Saluran pengambilan pekerja perlu penambah baikan. *Berita Harian Online*. 18 Disember.

<https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2018/12/508334/saluran-pengambilan-pekerja-perlu-penambah-baik>

Suraj Srivastava. 2014. Importance of Optimal utilization of Campus Recruitment Opportunities. *Higher Education Review*.

<https://www.thehighereducationreview.com/magazine/importance-of-optimal-utilization-of-campus-recruitment-opportunities-JOZM840321408.html>

Copyright@FTSM
UKM